

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KEMPEN “#KITAJAGAANDA” ANJURAN AGROBANK (“TERMA DAN SYARAT”)

1. DEFINISI

Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut akan mempunyai maksud yang diperuntukkan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya:-

“**BANK**” bermaksud Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank) (No. Syarikat 200801010522(811810-U)) sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 3, Bangunan Agrobank Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur;

“**HADIAH KEMPEN**” bermaksud hadiah yang ditawarkan dalam Kempen ini sahaja.

“**KEMPEN**” bermaksud Kempen “#KITAJAGAANDA” melibatkan 5 jenis perkhidmatan atau produk Bank (iaitu Pembiayaan Peribadi Agrocash-i, Akaun Simpanan Tawarruq, Langganan Takaful Kemalangan Peribadi, yang dianjurkan oleh Bank menurut Terma dan Syarat yang ditetapkan dalam dokumen ini;

“**PELANGGAN**” bermaksud pelanggan Bank yang menyertai kempen ini;

“**PEMENANG**” bermaksud Pelanggan yang telah dikenalpasti menepati semua kriteria yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat ini dan layak untuk menerima Hadiah Kempen;

“**TEMPOH KEMPEN**” bermaksud tempoh kempen yang bermula dari 1 Julai 2020 hingga 30 September 2020 atau apa-apa tempoh yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa;

2. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KHUSUS KEMPEN

A. PRODUK PEMBIAYAAN PERIBADI AGROCASH-i

1. Kelayakan

1.1 Terbuka kepada semua Pelanggan dari kategori-kategori berikut:

- a) Pelanggan yang memohon pembiayaan peribadi Agrocash-i dengan nilai RM50,000 dan ke atas sahaja di dalam Tempoh Kempen; atau
- b) Pelanggan Sedia Ada Agrocash-i yang membuat **overlap*** di dalam Tempoh Kempen di mana nilai pembiayaan yang dikira bagi kelayakan Kempen ini adalah **jumlah perbezaan**** di antara pembiayaan baru dan nilai pembiayaan yang ditebus berjumlah RM50,000 dan ke atas sahaja.

(***overlap** bermaksud pelanggan yang sudah mempunyai pembiayaan Agrocash-i sedia ada sebelum menyertai kempen ini.

****jumlah perbezaan** bermaksud, contohnya pelanggan mempunyai pembiayaan Agrocash-i sedia ada sebanyak RM5,000 dan pelanggan memohon pembiayaan Agrocash-i tambahan sebanyak RM20,000 semasa dalam tempoh kempen menjadikan jumlah pembiayaan Agrocash-i sebanyak RM25,000. Pihak bank akan mengambil kira jumlah pembiayaan yang baharu sahaja sebanyak RM20, 000 untuk pengiraan kempen.)

2. Hadiah & Pemilihan Pemenang

- 2.1 Hadiah yang ditawarkan bagi kempen ini adalah e-baucar farmasi dari rangkaian produk penjagaan kesihatan yang bernilai RM100 ('E-Baucar').
- 2.2 Hadiah ini layak untuk dimenangi oleh 1,000 Pelanggan pertama, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - a) Pelanggan memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan di perenggan 1.1; DAN
 - b) pengeluaran bagi pembiayaan Pelanggan dibuat dalam Tempoh Kempen.
- 2.3 Pemilihan Pemenang adalah berdasarkan kepada tarikh permohonan pembiayaan yang terdapat di dalam rekod Bank serta tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Kempen. Keputusan pemilihan Pemenang oleh pihak Bank adalah muktamad.
- 2.4 Para Pemenang yang terpilih akan menerima E-Baucar masing-masing melalui SMS dan boleh menebus E-Baucar tersebut di mana-mana cawangan farmasi yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Tarikh sah laku E-Baucar tersebut adalah tertakluk kepada pihak farmasi tersebut.

B. AKAUN SIMPANAN TAWARRUQ

1. Kelayakan

- 1.1 Terbuka kepada semua Pelanggan yang membuka mana-mana Akaun Simpanan Tawarruq Agrobank sepanjang Tempoh Kempen dengan syarat, pembukaan akaun simpanan yang baru tersebut adalah menggunakan deposit baru (*fresh fund*) dan bukan menggunakan deposit yang dikeluarkan daripada mana-mana akaun simpanan sedia ada Pelanggan di Agrobank.
- 1.2 Bagi melayakkan diri untuk dipilih sebagai pemenang, Pelanggan perlu membuat simpanan dan mengekalkan nilai purata baki simpanan (*Average Credit Balance*) sekurang-kurangnya RM5,000 dan ke atas sepanjang Tempoh Kempen. Pelanggan juga

perlu memastikan baki simpanan di dalam akaun tersebut adalah tidak kurang daripada RM5,000 pada akhir Tempoh Kempen.

2. Hadiah & Pemilihan Pemenang

2.1 Hadiah yang ditawarkan kepada Pelanggan yang dipilih sebagai Pemenang adalah seperti berikut:

Kategori Nilai Purata Baki Simpanan	Hadiah
RM5,000 dan ke atas	E-baucar farmasi dari rangkaian produk penjagaan kesihatan yang bernilai RM20
RM10,000 dan ke atas	E-baucar farmasi dari rangkaian produk penjagaan kesihatan yang bernilai RM50
RM20,000 dan ke atas	E-baucar farmasi dari rangkaian produk penjagaan kesihatan yang bernilai RM100

2.2 Hadiah ini adalah layak untuk dimenangi oleh 500 Pelanggan pertama bagi setiap kategori yang mematuhi syarat kelayakan seperti perenggan 1.1 dan 1.2 serta memenuhi terma-terma dan syarat-syarat Kempen.

2.3 Pemilihan Pemenang adalah berdasarkan kepada susunan Nilai Purata Baki Simpanan milik Pelanggan, sepertimana dinyatakan di dalam perenggan 2.1 di atas, di mana Pelanggan akan disusun mengikut kedudukan Nilai Purata Baki Simpanan masing-masing.

2.4 Para Pemenang yang terpilih akan menerima e-baucar farmasi masing-masing melalui SMS dan boleh menebus e-baucar farmasi tersebut di mana-mana cawangan Farmasi yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Tarikh sah laku e-baucar farmasi tersebut adalah tertakluk kepada pihak farmasi tersebut.

C. LANGGANAN PRODUK TAKAFUL

1. Kelayakan

1.1 Terbuka kepada semua Pelanggan yang melanggan produk Takaful yang terpilih di dalam Tempoh Kempen. Hanya pendaftaran individu sahaja yang akan diambil kira.

2. Hadiah & Pemilihan Pemenang

2.1 Hadiah yang ditawarkan kepada Pemenang Kempen ini adalah seperti di bawah:

Produk Takaful	Hadiah
Takaful Kasih Plus (Pelan 4)	E-baucar farmasi bernilai RM5.00
Takaful Kasih Plus (Pelan 5)	E-baucar farmasi bernilai RM10.00

Takaful Kasih Plus (Pelan 6)	E-baucar farmasi bernilai RM20.00
Agro Mabruur-i (Pelan 3)	E-baucar farmasi bernilai RM5.00
Agro Madani (Pelan 2)	E-baucar farmasi bernilai RM5.00
Agro Madani (Pelan 3)	E-baucar farmasi bernilai RM10.00

- 2.2 Hadiah yang dinyatakan di perenggan 2.1 di atas layak untuk dimenangi oleh 1,500 Pelanggan pertama yang mematuhi syarat kelayakan seperti Para 1.1.
- 2.3 Pemilihan Pemenang adalah berdasarkan kepada susunan kepada tarikh pendaftaran produk Takaful tersebut di dalam sistem Bank dan pematuhan kepada terma-terma dan syarat-syarat Kempen ini. Keputusan pihak Bank adalah muktamad.
- 2.4 Para Pemenang akan menerima e-baucar farmasi masing-masing melalui SMS dan boleh menebus e-baucar farmasi tersebut di mana-mana cawangan farmasi yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Tarikh sah laku e-baucar tersebut adalah tertakluk kepada pihak farmasi tersebut.

D. PEMBAHARUAN POLISI TAKAFUL MOTOR

1. Kelayakan

- 1.1 Terbuka kepada semua Pelanggan yang memperbaharui polisi Takaful Motor di dalam Tempoh Kempen.

2. Hadiah & Pemilihan Pemenang

- 2.1 Hadiah yang ditawarkan kepada Pemenang Kempen ini adalah seperti di bawah:

Nilai premium bagi polisi Takaful Motor yang dibayar	Hadiah
RM500 – RM999	E-baucar farmasi bernilai RM5.00
RM1,000 – RM1,999	E-baucar farmasi bernilai RM10.00
RM2,000 & ke atas	E-baucar farmasi bernilai RM20.00

- 2.2 Hadiah ini adalah layak untuk dimenangi oleh 1,500 pelanggan pertama yang mematuhi syarat kelayakan seperti Para 1.1.
- 2.3 Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Kempen ini, pemilihan Pemenang adalah berdasarkan kepada susunan kepada tarikh pendaftaran produk Motor Takaful di dalam sistem Bank dan keputusan pihak Bank adalah muktamad.
- 2.4 Para Pemenang yang terpilih akan menerima e-baucar farmasi masing-masing melalui SMS dan boleh menebus e-baucar farmasi tersebut di mana-mana cawangan

farmasi yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Tarikh sah laku e-baucar farmasi tersebut adalah tertakluk kepada pihak farmasi tersebut.

E. LANGGANAN PRODUK PENULISAN WASIAT

1. Kelayakan

- 1.1 Terbuka kepada semua Pelanggan yang melanggan produk penulisan wasiat di dalam Tempoh Kempen.

2. Hadiah & Pemilihan Pemenang

- 2.1 Hadiah yang ditawarkan bagi Kempen ini adalah E-baucar farmasi (rangkaian produk penjagaan kesihatan yang bernilai RM20). Hadiah ini adalah layak untuk dimenangi oleh 875 Pelanggan pertama yang mematuhi syarat kelayakan seperti perenggan 1.1 dan lain-lain terma dan syarat Kempen ini.
- 2.2 Pemilihan Pemenang adalah berdasarkan kepada susunan kepada tarikh pendaftaran produk penulisan wasiat di dalam sistem atau rekod Bank dan keputusan pihak Bank adalah muktamad.
- 2.3 Para Pemenang yang terpilih akan menerima e-baucar farmasi masing-masing melalui SMS dan boleh menebus e-baucar farmasi tersebut di mana-mana cawangan farmasi yang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Tarikh sah laku e-baucar farmasi tersebut adalah tertakluk kepada pihak farmasi tersebut.

3. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT UMUM

3.1 Tempoh Kempen

Bank berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa mengikut budi bicara Bank tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada para Pelanggan.

3.2 Pemilihan Pemenang

Sebarang keputusan yang dibuat atau dimaklumkan oleh pihak Bank berhubung Kempen ini adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, mahupun bantahan dan pertikaian berkaitan pemilihan pemenang tidak akan diterima atau dilayan oleh pihak Bank.

3.3 Notis Pemberitahuan Pemenang

Senarai nama-nama Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa melalui surat atau emel atau panggilan telefon atau melalui paparan di laman web rasmi Bank di www.agrobank.com.my atau saluran media sosial rasmi Agrobank (Facebook/Instagram), mana-mana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank.

3.4 Hadiah Kempen

- a) Hadiah Kempen hendaklah didaftarkan di atas nama Pemenang sahaja. Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga atau ditukar oleh Pemenang kepada wang tunai atau barangan yang lain.
- b) Pelanggan berpeluang untuk memenangi atau melayakkan diri untuk menerima lebih dari satu Hadiah Kempen yang ditawarkan di dalam Kempen ini sekiranya Pelanggan mematuhi kelayakan yang ditetapkan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- c) Pemenang bagi setiap Hadiah Kempen hendaklah bertanggungjawab ke atas semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj, kos dan perbelanjaan yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
- d) Pihak Bank berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah Kempen dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilai pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.

3.5 Tuntutan Hadiah

- a) Pemenang akan menerima makluman dan maklumat mengenai Hadiah Kempen tersebut melalui SMS berdasarkan nombor telefon yang didaftarkan di dalam sistem Bank. Pihak Bank tidak bertanggungjawab sekiranya Hadiah Kempen gagal disampaikan kepada Pemenang disebabkan sebarang kesilapan pada nombor telefon yang diberikan kepada pihak Bank.
- b) Tuntutan e-baucar farmasi boleh dilakukan di mana-mana cawangan farmasi yang dimaklumkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Tarikh sah laku e-baucer farmasi tersebut adalah tertakluk kepada pihak farmasi tersebut dan maklumat sah laku akan dimaklumkan kepada pelanggan bersama dengan kiriman e-baucar farmasi tersebut daripada pihak farmasi.
- c) Di dalam kes kematian di mana Pelanggan adalah Pemenang bagi Hadiah Kempen, tuntutan hadiah hanya boleh dibuat oleh waris atau pentadbir harta yang sah kepada Pelanggan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian tertakluk kepada waris atau pentadbir harta bagi Pelanggan tersebut mengemukakan

dokumen-dokumen yang berkaitan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak Bank.

- d) Jika Pemenang didapati tidak memenuhi atau tidak mematuhi keseluruhan atau mana-mana bahagian terma-terma dan syarat-syarat Kempen ini, pihak Bank berhak untuk membatalkan atau menarik balik tawaran hadiah dan seterusnya menganugerahkan hadiah yang sama kepada Pelanggan lain yang berkelayakan sebagaimana yang dapat ditentukan oleh pihak Bank.

3.6 Pengesahan dan Penguatkuasaan

- a) Pihak Bank berhak untuk menukar atau meminda mana-mana terma di dalam Kempen atau mana-mana bahagian di dalam Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu.
- b) Pihak Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantung terhadap Kempen ini oleh pihak Bank, Pelanggan adalah tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada pihak Bank untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantung tersebut.
- c) Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju kepada perkara-perkara berikut:
 - i. untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini;
 - ii. Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk memproses data peribadi pelanggan bagi tujuan Kempen ini termasuk untuk mentadbir penyertaan pelanggan dalam Kempen ini dan memproses data peribadi pelanggan mengikut Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Bagi mematuhi peruntukan-peruntukan berhubung privasi data peribadi pelanggan, pihak Bank telah memperkenalkan NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("Notis Akta PDP") yang boleh diakses melalui laman web Bank di www.agrobank.com.my. Bagi tujuan Kempen ini, Notis Akta PDP tersebut adalah terpakai dan mengikat Pelanggan.

- iii. Pelanggan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk mengumumkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar Pelanggan yang telah disenarai pendek sebagai Pemenang di laman web rasmi Bank dan saluran media sosila rasmi Bank (Facebook/Instagram) untuk tujuan pemakluman nama Pemenang, pengiklanan, promosi dan publisiti. Pelanggan pada bila-bila masa boleh memilih untuk menarik balik kebenaran yang diberikan dengan menghubungi pihak Bank di Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476.
 - iv. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kecederaan atau kehilangan nyawa dan barang-barang atau apa-apa kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung oleh pelanggan yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada atau disebabkan penyertaan atau Hadiah Kempen ini atau sebagai akibat dari tindakan atau pengabaian dari bahagian pihak Bank. Pihak Bank juga tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh kejadian alam semulajadi, peperangan, rusuhan, mogok, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan pihak Bank.
- d) Keseluruhan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Khusus Kempen (bagi setiap produk atau perkhidmatan Bank yang berkaitan) serta Terma-Terma dan Syarat-Syarat Umum yang termaktub di dalam Terma dan Syarat ini hendaklah terpakai.
 - e) Sekiranya terdapat ketidakselarasan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan kempen atau promosinya, Terma dan Syarat ini hendaklah terpakai.
 - f) Terma dan Syarat ini ditadbir berdasarkan undang-undang Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi talian pusat Agrobank 1300-88-2476 atau layari laman web kami di www.agrobank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Agrobank.